

# Kita bukan hendak bermusuh dengan negara2 pengguna bijih-Musa

JAKARTA, Khamis — Datuk Musa Hitam hari ini menegaskan, cadangan Malaysia menubuhkan Persatuan Negara-negara Pengeluar Bijih Timah bukanlah bermakna Malaysia ingin bermusuh atau berkonfrantasi dengan negara-negara pengguna.

Beliau memberitahu sidang akhbar di sini petang ini, setengah pihak kebelakangan ini menuduh Malaysia mengambil pendirian angkuh dan ingin bermusuh.

"Biarlah saya jelaskan satu persatu yang Malaysia bukanlah mengambil sikap untuk mengisytiharkan "perang" dan tidak juga untuk berlawanan atau berkonfrantasi dengan negara-negara pengguna bijih timah," tambah beliau.

Datuk Musa menjelaskan demikian kerana daya-usaha Malaysia untuk menubuhkan Persatuan Negara-negara Pengeluar Bijih Timah dianggap oleh setengah pihak terutamanya pihak barat sebagai langkah mewujudkan kartel timah.

Katanya, langkah menubuhkan persatuan itu hanyalah sebagai cara melihat beberapa alternatif lain bagi menjamin Malaysia mendapat bahagiannya yang wajar untuk membolehkannya meneruskan usaha-usaha perlombongan.

"Bila kita membicarakan kemungkinan menubuhkan persatuan seumpama itu, biarlah kita benar-benar faham yang kita hanya berfikir menggubal dan membiasakan satu rangka dasar kerjasama dan persefahaman yang lebih bermakna," ujarnya.

"Dengan itu kita berkeupayaan jika dan bila perlu bagi kita bertidak terutama bila keadaan bijih timah buruk sehingga ke tahap di mana kita tidak boleh hanya berdiam diri dan membiarkan perkara itu berlaku," tambah beliau.

Ini kerana, kartel memberi gambaran yang buruk dan perkataan itu sendiri adalah kotor bagi negara-negara pengguna kecuali mereka sendiri yang